

Tai mahu tumpu latihan amali, program sangkutan pensyarah

MEMPERGIAT latihan amali pelajar dan program sangkutan pensyarah adalah fokus utama Timbalan Naib Canselor (TNC) Jaringan Industri dan Masyarakat Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Tai Shzee Yew, dalam masa terdekat.

Beliau yang dilantik memegang jawatan itu awal bulan ini, berkata langkah berkenaan selaras visi dan misi universiti menghasilkan gra-

duan berkualiti dengan mendedahkan mereka kepada pengalaman sebenar dalam industri.

“Selepas berbincang dengan Naib Canselor, Datuk Nik Mustapha Raja Abdullah, kami bersetuju bahawa satu aspek yang sangat penting dan perlu dilaksanakan segera ialah mempergiat latihan amali dan sangkutan pensyarah di universiti tempatan atau antarabangsa.

“Sebenarnya kedua-dua program ini sudah dijalankan tetapi belum ada satu sistem pengurusan teratur untuk melaksanakannya, justeru, saya perlu menguruskannya supaya ia berjalan lancar dan sistematik.

“Ini tidak bermakna aspek lain tidak penting, tetapi dalam masa terdekat usaha ini boleh dijalankan segera,” katanya ketika ditemui di Serdang, kelmarin.

Tai berkata, mesyuarat dengan tiga TNC UPM lain perlu diadakan sebelum beliau dapat membuat perancangan rapi supaya tidak berlaku pertindihan tugas.

“Skop terma rujukan yang diberi Kementerian Pengajian Tinggi luas, antaranya, menjalin kerjasama lebih akrab antara universiti dan pihak industri serta masyarakat berkaitan latihan praktikal pelajar, program sangkutan pensyarah, kerjasama dalam bidang penyelidikan, pengkomersialan hasil penyelidikan, penyediaan kurikulum dan program pensyarah daripada industri.

“Sebahagian tugas digariskan KPT itu sebenarnya sudah dijalankan dan



Dr Tai Shzee Yew

dipertanggungjawabkan kepada beberapa TNC sedia ada, cuma tiada sistem yang mengkoordinasikannya.

“Justeru, saya beranggapan, tanggungjawab saya sebagai TNC adalah mewujudkan satu sistem koordinasi bagi semua kegiatan ini,” katanya.

Mengulas pelantikannya, Tai berkata ia satu penghargaan serta peluang baginya menyumbang semula kepada UPM.

“Memang ini satu penghargaan kerana Menteri Pengajian Tinggi dan Naib Canselor menaruh kepercayaan kepada saya untuk memegang jawatan ini. Saya mendapat Ijazah Ekonomi Perikanan menerusi pengajian di UPM, jadi ini peluang terbaik bagi saya membalas jasa,” katanya.

22 SEPTEMBER 2007
- BERITA HARIAN -